

## → PERSIDANGAN

## Hubungan etnik negara lemah kerana sekolah pelbagai aliran

**Ipoh:** Aspek perpaduan dan hubungan etnik di negara masih berada pada tahap kurang memuaskan kesan daripada sistem pendidikan pelbagai aliran yang wujud dalam negara.

Profesor Bahasa Melayu yang juga Fellow Utama Institut Kajian Etnik Kebangsaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Teo Kok Seng, berkata ini kerana banyak perkara membabitkan hak dan keistimewaan orang Melayu yang menjadi asas perlembagaan dipertikaikan golongan muda dalam kalangan etnik lain.

Katanya, perkara itu berlaku adalah disebabkan sistem pendidikan yang diterima mereka kerana wujud sekolah pelbagai aliran dalam negara yang membenarkan pengasingan etnik pada usia yang cukup muda.

"Hubungan etnik kini menjadi cabaran dan ia datang daripada golongan muda, khususnya etnik muda bukan Melayu yang seringkali mempertikai adat Melayu dan enggan terima adat Melayu sebagai sebahagian daripada perkara penting pembangunan nasional.

"Hubungan etnik dalam negara masih tahap seperti maksud simpulan bahasa 'Kenal Cina' sahaja.

"Kiasan 'Kenal Cina' adalah perkenalan yang tak mesra dan hanya di permukaan sahaja dan belum ke tahap kenal lebih daripada itu, kita hanya kenal luaran mereka sahaja dan ia berlaku ada kaitan dengan sistem pendidikan kita," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja Kepimpinan dan Ulu Amri Tanah Melayu: Sorotan Adat Melayu dan Perlembagaan pada hari terakhir Muzakarah Sultan Nazrin Muizzuddin Shah di Pusat Konvensyen Aman Jaya di sini, semalam.

### Sukarkan pelajar bergaul

Katanya, tindakan membenarkan pengasingan etnik pada usia seawal lima tahun ketika memasuki tadika, hingga ke sekolah rendah yang mempunyai tiga aliran pastinya akan menyukarkan pelajar untuk bergaul apabila dicantumkan di peringkat menengah.

"Perkara itu (kelemahan hubungan etnik) perlu diselesaikan dan ia perlu kepada sistem pendidikan satu aliran sebagaimana yang dilaksanakan negara jiran iaitu Singapura, Indonesia dan Thailand.

"Kita perlu rungaikan sistem persekolahan supaya ia menjadi hanya satu aliran, di mana-mana tempat pun di dunia, sistem inilah yang digunapakai untuk menyatu padu anak bangsa dan menghasilkan produk yang sama identitinya," katanya.

Beliau berkata, apa yang menyedihkan, dalam negara yang mempunyai sistem pendidikan yang pelbagai, masih ada rakyat yang gagal berbahasa Melayu dengan baik sedangkan ia menjadi bahasa kebangsaan yang menjadi tunjang negara.